



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (21)

SIARAN MEDIA

PENDARATAN IKAN YU DI MALAYSIA MELEBIHI 5,600 TAN METRIK PADA 2024

PUTRAJAYA, 16 Julai 2025 – Sebanyak 5,610.55 tan metrik ikan yu telah direkodkan mendarat di perairan Malaysia sepanjang tahun 2024, berdasarkan statistik semasa Jabatan Perikanan Malaysia. Sarawak mencatat jumlah pendaratan tertinggi iaitu sebanyak 2,208.90 tan metrik, diikuti oleh beberapa negeri lain yang turut menyumbang kepada jumlah keseluruhan tersebut.

Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain, berkata negeri-negeri lain yang turut merekodkan jumlah pendaratan yang signifikan termasuk Perak (994.04 tan metrik), Kelantan (783.99 tan metrik) dan Sabah (545.77 tan metrik). Turut mencatatkan pendaratan ialah Pahang (471.35 tan metrik), diikuti oleh Selangor (204.11 tan metrik), Wilayah Persekutuan Labuan (152.41 tan metrik) dan Terengganu (129.35 tan metrik). Dalam pada itu, Negeri Sembilan tidak mencatat sebarang pendaratan, manakala Perlis dan Kedah masing-masing merekodkan 0.2 tan metrik dan 1.6 tan metrik.

Menurut beliau, statistik yang direkodkan menggambarkan keperluan untuk memperkukuh pemantauan dan pengurusan sumber perikanan secara bersepadu, khususnya dalam memastikan kelangsungan spesies marin yang semakin terancam. Sehubungan itu, bersempena sambutan Hari Kesedaran Ikan Yu Sedunia yang disambut pada 14 Julai lalu, Jabatan Perikanan Malaysia menegaskan komitmennya dalam melindungi spesies ikan yu sebagai sebahagian daripada usaha pemuliharaan biodiversiti marin negara.

Sebagai langkah pengurusan sumber secara mampan, lima spesies ikan yu telah diwartakan sebagai spesies yang dilindungi di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Terancam) 1999 [Pindaan 2019]. Sebarang aktiviti penangkapan, pemilikan, penjualan atau pengeksportan spesies ini adalah dilarang dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Spesies yang disenaraikan ialah *Sphyrna mokarran* (Yu Tukul Parang), *Sphyrna zygaena* (Yu Tukul Rata), *Eusphyra blochii* (Yu Tukul Parang – varian), *Carcharhinus longimanus* (Yu Sirip Putih Besar), dan *Rhincodon typus* (Yu Paus).

Tambah beliau, spesies-spesies tersebut memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem marin kerana sifatnya sebagai pemangsa puncak dalam rantai ekologi. Kehilangan spesies ini bukan sahaja mengganggu kestabilan biodiversiti tetapi juga boleh memberi kesan langsung kepada kesejahteraan sumber perikanan negara. Oleh itu, beliau menyeru semua pihak termasuk nelayan, pemain industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta orang awam agar sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan dan menyokong usaha pemuliharaan yang sedang dijalankan oleh kerajaan.

Jabatan Perikanan Malaysia terus memperkukuh inisiatif pemuliharaan ini melalui pelaksanaan pemantauan berterusan, penguatkuasaan undang-undang, serta kempen kesedaran awam, dengan kerjasama strategik agensi-agensi penguat kuasa, NGO serta komuniti nelayan. Segala usaha ini bertujuan memastikan sumber marin negara terus kekal lestari untuk generasi masa hadapan.

Maklumat lanjut berkaitan spesies dilindungi dan garis panduan pengurusan perikanan lestari boleh diperolehi melalui portal rasmi Jabatan Perikanan Malaysia di www.dof.gov.my.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my